

**Peruntukan RM9.5 juta baik pulih Masjid Negara  
Malaysiakini.com  
May 19, 2010**

Kerajaan mengumumkan peruntukan sebanyak RM9.5 juta bagi membaik pulih Masjid Negara, kata Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor.

Beliau sebelum itu mengadakan lawatan dan tinjauan prasarana di Masjid Negara bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Shaziman berkata kerja membaikpulihan itu termasuk membaiki kebocoran bumbung, sistem peparitan, tandas, sistem pembesar suara serta meningkatkan rupa bentuk masjid serta Makam Pahlawan yang terletak di kawasan Masjid Negara.

"Kerja baikpulihan itu akan dimulakan Jun ini dan jangka siap sepenuhnya sebelum penghujung tahun ini," katanya.

Beliau berkata peruntukan berkenaan juga akan digunakan bagi menambah papan tanda di Makam Pahlawan termasuk yang memaparkan maklumat mengenai tatacara melawat serta sejarah tokoh yang disemadikan di situ.

Masjid Negara yang siap dibina pada tahun 1965 kini mampu menampung 15,000 jemaah pada satu masa. Selain menjadi tempat beribadah ia juga menjadi tempat tarikan pelancong asing.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/132214>